

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05/01/2018

## Agenda peribadi Dr M mahu guling PM

**Kuala Lumpur:** Keinginan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad menggulingkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak adalah bersifat peribadi dan melakukan perkara itu demi anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun, berkata Dr Mahathir mahu menjadikan

Mukhriz sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Perdana Menteri dipilih rakyat Malaysia. Siapakah Dr Mahathir yang berasakan dia berhak untuk menggulingkan Perdana Menteri.

### **Mahu jadikan Mukhriz TPM**

"Ia sangat jelas, Dr Mahathir mempunyai agenda peribadi untuk menjadikan Mukhriz se-

bagai Timbalan Perdana Menteri," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Khairul Azwan turut mencahar Dr Mahathir mendedahkan kepada polis apa yang beliau lakukan dan rancang untuk menjatuhkan Perdana Menteri.

"Biar pihak berkuasa menentukan sama ada tindakannya itu mengikut undang-undang atau sebaliknya," katanya.



Khairul Azwan Harun

BH-5/1/2018 pg.7